



IMAGINED  
MALAYSIA

# A History of Student Activism in Malaysia

Raja Ahmad Aminullah  
Transcript  
December 2020



## Transcription of Interview with Raja Ahmad Aminullah

**Interviewer** : Fikri Fisal

**Interviewee** : Raja Ahmad Aminullah

**Transcribed** : 24th October 2020

### **Executive Summary** :

Raja Ahmad Aminullah, or more affectionately known as Pak Raja, was born in Ipoh, Malaysia in 1955 and received his education at the Malay College Kuala Kangsar (MCKK). He continued his studies in mass communication at ITM and later furthered his studies at University of London, United Kingdom where he studied Law.

In 1996, he founded the Perak Arts Foundation (Yayasan Kesenian Perak) with other Malaysian writers and art activists. He continues to serve as the Foundation's Chairman. A respected arts connoisseur and an avid cultural promoter, he has also served as publisher/editor for several literary and art critical books.

He has published an anthology of his poems Soulship or Menyarung Jiwa (2004) which received critical recognition. A new translation of the anthology has just been published by the Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM). His latest publication is Minda Tertawan – Intelektual, Rausyanfikir dan Kuasa (2011).

<b>Fikri :</b>	Apakah pengalaman Pak Raja dalam gerakan-gerakan siswa?
<b>Raja :</b>	<p>Um, terima kasih saudara Fikri dan Imagined Malaysia. Saya ada lah mempunyai sedikit sentuhan dengan gerakan pelajar dgn mahasiswa pada tahun pertengahan 70an khususnya. Tetapi terutamanya waktu berada di ITM selaku barisan exco Kesatuan Siswa Institut Teknologi Mara atau KSITM dan kemudiannya, apabila berada di seberang laut beberapa tahun kemudian selaku Presiden kepada dua buah pertubuhan.</p> <p>Di ITM tahun '75 dan di seberang laut '78. Di seberang laut, dua buah persatuan iaitu KMUK (Kesatuan Melayu United Kingdom), sebuah pertubuhan yang didirikan pada tahun 1920an oleh Tuanku Abdul Rahman dan Tunku Abdul Rahman.</p> <p>Dan kemudiannya pada tahun '60an, '70an, pernah dipimpin oleh antara lain sebagai barisan pimpinannya saya rasa Tengku Razali, Syed Hamid Albar dan Osman Bakar.</p>
<b>Raja :</b>	Dan apabila saya diamanahkan untuk jawatan Yang di-Pertua atau Presiden KMUK,
	kami telah sedikit sebanyak fine-tuned ataupun arah alir perjuangan KMUK dan kita



pada waktu itu dianggap oleh pemerintah sebagai satu pertubuhan yang radikal berbanding dengan tahun-tahun yang sebelumnya yang aktiviti hanya bersifat sosial seperti menganjurkan majlis tari menari dan seumpamanya.

Dan waktu saya memimpinya juga, kami telah menganjurkan konvensyen tahunan setiap tahun selama 3 tahun berturut-turut. Dan apabila ada krisis dalam Majlis Persatuan-Persatuan Pelajar Malaysia atau MPPM pada waktu itu, sekarang ni saya ingat dia dikenali sebagai UKAC, tapi MPPM memang independent ya pada waktu itu ya ataupun sekurang-kurangnya waktu saya memimpinya. Habis krisis itu, saya dengan kawan telah berusaha untuk menyelesaikan...kemungkinan persatuan pelajar itu telah berpecah kepada dua aliran yang nampaknya langsung tidak boleh bekerjasama. Dua aliran yang agak keras garis mereka.

Dan saya pakat dengan beberapa orang kawan untuk mengambil alih dengan hanya 6 undi yang solid bersama-sama kami, kami tengah ambil alih persatuan itu yang mempunyai lebih kurang 150 perwakilan. Dengan 6 undi itu juga, kita telah occupy posisi Presiden iaitu diri saya sendiri, Setiausaha Agung dan posisi Penolong Bendahari.

Dan MPPM pada waktu itu dianggap oleh mereka di luar sebagai satu gabungan yang cukup inklusif kerana selain daripada kelompok ataupun kawan-kawan saya kami yang bertiga ini yang dianggap sebagai radikal, tapi mungkin dianggap sebagai sederhana oleh 2 garis keras yang bertentangan dalam tubuh badan itu. Dalam barisan exco dia termasuk ahli-ahli dari 2 kelompok garis keras itu, ada ahli yang diketahui Persatuan Pelajar mereka yang cukup cenderung kepada pemerintah dan ya, ada yang dianggap sebagai kelompok Marxist dan sebagainya. Jadi, memang inklusif ya.

Malah ada seorang kawan yang sedang buat PhD di London School of Economics berkata kepada saya, *"This is definitely much better than Barisan Nasional because you have everybody inside there."*

Tahun '60an dan '70an, dunia sedang meledak dengan ekspresi golongan muda. It was the age of youthful revolt or youthful rebellion. Di Amerika, SDS atau Student of



Democratic Society. Di Jerman, di UK, di Jepun, di Indonesia, di Thailand dengan aktivis-aktivis dari Thammasat University. Di Sri Lanka dan seumpamanya. Ini sedikit sebanyak bukan hanya dia memercik kepada kita tetapi sudah tentu orang-orang muda kita juga mengetahui berkenaan apa yang berlaku di dunia. Terutamanya isu besar pada waktu itu ialah keinginan untuk damai, kedamaian atau peace kerana adanya serangan Amerika di Vietnam.

Serangan Amerika di Vietnam ini telah banyak orang kata Vietnam War, sebenarnya salah sebab kalau kita tanya orang Vietnam, dia kata American War sebab mereka yang menyerang. Jadi students di Jepun, di UK, di Indonesia, di Malaysia, di US sendiri, semuanya menentang.

Pada waktu itu barangkali saya masih lagi di bangku sekolah tetapi saya masih ingat untuk hadiah bagi the best English language paper for the MCE exams, yang pada waktu itu diperiksa di Cambridge, saya telah diberi pilihan untuk membeli 3 buah buku. Salah sebuah buku yang saya beli itu, daripada James A. Michener, seorang penulis yang terkenal. Buku itu bertajuk "*Kent State: What Happened and Why*". Buku itu ditulis pada tahun '72 dan mengkisahkan apa yang berlaku di Kent State University pada tahun 1971 di mana 6 orang mahasiswa telah ditembak mati oleh national guardsmen Amerika kerana terlibat dalam protes besar-besaran anti-peperangan di Vietnam. Students tu saya ingat 1<sup>st</sup> year or 2<sup>nd</sup> year students, they were not even in the leadership. Buku tu tebal dan saya masih ingat buku itu, dia berikan kepada saya secara rasmi waktu Speech Day oleh Perdana Menteri kita ketika itu, Tun Abdul Razak. Suasana seperti itu sudah tentu mempengaruhi kita.

Kita bersentuhan dengan reality masyarakat itu dari pengalaman primer/primary exposure seperti misalnya kawan-kawan saya yang jadi aktivis pelajar pada waktu itu, mereka datang dari kawasan luar bandar. Mereka juga merupakan anak-anak golongan petani dan nelayan yang telah masuk ke university. Jadi pengalaman peribadi mereka sudah tentu membantu mereka menyuarakan hal-hal kemiskinan dan seumpamanya.

Pada tahun '50an dan 60'an sehingga awal '70an, trend yang menguasai pemikiran golongan pelajar atau sekurang-kurangnya mereka yang aktif dalam golongan pelajar



adalah sosialisme dan sebahagiannya adalah sosialisme per se atau mereka yang lebih mendalami, mereka juga mengerti faham Marxisme tetapi kerana suasana masyarakat pada masa itu yang tidak begitu terbuka, mereka juga tidak pernah declare bahawa mereka manganuti fahaman Marxisme kerana kalau mereka declare, barangkali sudah tentu terus masuk ke dalam [penjara] pada waktu itu ya, zaman itu ya. Barangkali kita ketawa sekarang tetapi begitulah realiti pada masa itu.

Jadi memang trendnya golongan kiri. Ini juga lanjutan pada perjuangan kemerdekaan di tanah air di mana golongan KMM kemudiannya, PKMM – Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya, Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) yang trend mereka adalah ke-kirian yang lebih mewakili golongan biasa, rakyat tanah Melayu pada waktu itu berbanding dengan parti lain terutamanya UMNO pada waktu itu yang dilihat sebagai lebih mencerminkan gerak rasa golongan elit atau golongan bangsawan pada masa itu. Ini saya kira tiada siapa boleh nafikan secara umumnya. Walaupun kemudian, selepas PKMM, API dan AWAS diharamkan, ada antara tokoh-tokoh dari itu masuk kepada UMNO seperti Aishah Ghani, Ibrahim Fikri dan Abdul Ghafar Baba yang berasal dari PKMM dan AWAS.

Ok, trend pelajar kekirian itu... Ini barangkali zaman kalau awal '60an lagi. Misalnya, you have people like Kassim Ahmad di Universiti Malaya di Singapura dan Wahab Majib di Universiti Malaya di Singapura dan mereka sebenarnya bersentuhan dengan Abdul Samad Ismail, A. Samad Ismail, yang sudah menjadi wartawan terkenal di Singapura dengan Utusan Melayu pada waktu itu. Jadi kemudiannya figure-figure seperti Abdul Halim Ali dan Sanusi Othman, Syed Husin Ali, Syed Hamid Ali dan beberapa orang lagi.

Kemudian generasi barangkali Hishamuddin Rais, ada Fatimah Sham binti Hamid Tuah yang memegang teraju Persatuan Mahasiswa Universiti Sains Malaysia (PMUSM) selaku Presiden dan di Universiti Malaya, PMUM (Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya) yang dipegang oleh Kamaruzaman Yaacob, ni selepas zaman Syed Hamid Ali dan Khong Kim Hoong.

Pada waktu itu, hanya ada satu universiti saja iaitu Universiti Malaya ya. Ada kolej RIDA yang kemudiannya jadi ITM, Institut Teknologi Mara. Ada teknikal kolej



kemudiannya menjadi ITK, Institut Teknologi Kebangsaan sebelum menjadi UTM. Ada kolej pertanian Serdang yang kemudiannya menjadi UPM. Jadi, universiti ada satu sahaja. Kemudiannya apabila bertambah universiti atau di-upgrade proper institusi ni kepada university, maknanya peluang untuk memasuki ni bertambah untuk golongan yang datang dari luar bandar. Ini juga berbaringan dengan dasar pelajaran kebangsaan yang mula menetapkan penggunaan Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan nasional. Sebelum itu, pendidikan dalam Bahasa Inggeris jadi yang utama dan nak masuk ke Universiti Malaya misalnya harus melalui peperiksaan seperti HSC, Higher School Certificate.

Tapi bila wujudnya Universiti Kebangsaan di Lembah Pantai, USM dan banyak lagi dan perubahan dasar itu, maka banyak lagi peluang. Kerana di luar bandar, sekolah-sekolah dalam Bahasa Melayu ya. Dan bila adanya antara lain, produk daripada affirmative action yang diilhamkan oleh Tun Razak, ramai pelajar-pelajar yang terdiri daripada mereka yang di luar bandar mempunyai pengalaman peribadi kerana mereka datang dari keluarga-keluarga yang berkecimpung dalam bidang-bidang pertanian, perikanan dan seumpamanya sama ada ayahnya sebagai nelayan atau sebagai petani, penorah getah dan seumpamanya.

Jadi, sebelum itu yang masuk ke universiti, majoriti adalah orang-orang yang golongan uhh...keluarga yang boleh dikatakan elit masyarakat pada masa itu. Barangkali ini sesuatu yang kita harus review sekarang ini kerana nampaknya sekarang ini pun begitu ya. Kerana saya lihat sekarang ini golongan urban underclass kurang diperhatikan berbanding dengan mereka di luar bandar. Rata-rata saya lihat mereka yang berada di universiti adalah golongan mereka yang datang dari keluarga yang secara nisbinya, selesa ya. Kalau tak dari kalangan mereka yang affluence pun tapi dari kalangan yang agak senang keluarganya.

Melihatnya secara retrospektif, ada jurang komunikasi barangkali dan inilah yang dimanfaatkan oleh golongan baru yang menguasai persatuan-persatuan mahasiswa Islam di universiti-universiti misalnya. Mereka ini berbekalkan idea-idea yang dianggap 'baru' ya. Idea-idea Islamisme yang dianggap baru yang melihat Islam sebagai landas untuk membawa perubahan dalam kehidupan bermasyarakat.



Jadi isu-isu memerangi ketidakadilan, seperti membanteras kemiskinan, seperti merapatkan jurang perbezaan ekonomi diantara golongan yang berada dan golongan yang kurang berada mula mendapat semangat yang baru. Dan ini juga barangkali peranan golongan pelajar yang tidak dapat pengalaman langsung derita rakyat di luar bandar tetapi kerana pembacaan luas mereka yang membaca mengenai sejarah pemberontakan ataupun sejarah penentangan di Amerika Latin, di Afrika dan seumpunya.

Ini juga berbaringan dengan minat baru generasi ini dengan idea-idea seperti membaca buku-buku oleh Mustafa al-Siba'i misalnya yang bertajuk *Sosialisme Islam* yang diterjemahkan oleh almarhum Ustaz Hasan Salleh, pengarah fakulti pengajian Islam.

Jadi golongan yang membaca dan golongan yang...in other words, golongan yang berpengalaman sekunder dengan golongan yang berpengalaman primer ini bersatu seolah-olah dalam suatu baris dalam memimpin persatuan-persatuan mahasiswa di university. Ini lah barangkali yang membawa perubahan daripada trend yang sedia ada kepada suatu trend yang lebih baru.

Dan kerana pembenturan ideologi ni biasanya keras ya. Tak semua orang boleh rasional dan sivil dan santun apabila bicara soal ideologi. Ada tapi tak ramai.

Saya sendiri secara peribadi saya menghormati semua aliran. Saya tahu di mana saya berdiri tapi saya menghormati dan menganggap bahawa yang penting dalam perjalanan kehidupan ini adalah kita mempunyai landas sendiri tapi kita boleh ambil mana yang baik daripada mana-mana tamadun malahan mana-mana ideologi sekalipun sekali falsafah dan akidah kita tetap. Tapi banyak orang dia kadang-kadang... ini semua salah kan. Ini kerana sebenarnya kurang-cerdikan atau, meminjam istilah, 'bebal' kerana tidak ingin membaca, tidak ingin berdiskusi, tidak ingin mempelajari dengan lebih tuntas.

Pada tahun hujung '78, saya sudah mula berada di London waktu itu, Iran sedang mengalami pergolakan dalam masyarakat dia. Beberapa bulan kemudian, Shah Iran



mengusir keluar daripada Iran dan Khomeini balik ke Iran selepas dalam buangan atau exile sekian tahun.

Saya melihat ada kecenderungan penulis tahun-tahun akhir ini untuk menganggap revolusi...apa yang dinamakan revolusi keislaman Iran sebagai catalyst ataupun pemangkin pada apa yang berlaku dalam negara kita. Saya rasa itu tidak benar. Kerana idea-idea yang menginginkan, apa yang kita istilahkan sebagai kebenaran dan keadilan itu, telah berlaku sejak tahun '70an lagi, sejak tahun '73, '74, '75 lagi. Dan pada waktu itu, kelompok ini boleh bekerjasama dengan aliran-aliran lain. Sebagaimana yang saya kata tadi, waktu saya jadi Presiden di MPPM itu pada awal '80an, '81, semua golongan inklusif dan kita berbicara.

Di ITM masa itu, saya baru masuk bulan ke-2 dan masuk dalam polihanraya umum kampus, terpilih antara yang tertinggi dan dipilih untuk jadi Setiausaha Penerbitan dalam barisan exco itu. Saya masih ingat sewaktu saya Setiausaha Penerbitan, saya hidupkan semula akhbar Suara Siswa, ITM. Ini tanpa KDN lah. Salah satu isu itu, saya keluarkan surat dari penjara saudara Ibrahim Ali yang waktu itu berada dalam tahanan ISA dan saya siarkan surat dan gambar yang saya dapat. Waktu itu tiada persatuan mahasiswa lain yang berani mengeluarkan surat atau foto hatta oleh pimpinan mahasiswa mereka, sebab [di] UKM, Presiden Mahasiswa dan beberapa kepimpinannya berada di Kamunting juga. UM juga dan universiti-universiti lain.

Tetapi semua persatuan-persatuan mahasiwa mereka telah dikembirikan daripada persatuan mahasiswa mereka jadi MPP, Majlis Perwakilan Pelajar yang fungsinya dengan pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, pindaan yang dilakukan pada tahun '75, menyebabkan mereka jauh dengan fungsinya. Tidak boleh komen berkenaan hal-hal luar. Jadi MPP tidak boleh lakukan siaran akhbar dan sebagainya. Jadi tidak ada langsung mereka bercerita tentang pimpinan mereka, pasal mereka masih lagi pemimpin yang sedang mendekam dalam tahanan.

And then ada satu keputusan yang dibuat oleh barisan kepimpinan yang natijahnya kita memprotes sebenarnya terhadap usaha-usaha untuk melaksanakan peraturan-peraturan baru untuk pelajar-pelajar ITM. Dalam media popular, peraturan-peraturan





ini diberi gambaran seolah-olah nak disiplinkan pelajar supaya jangan rambut panjang, jangan pakai selekeh dan seumpamanya. Itu gambaran yang diberi media.

Sebenarnya, tujuan peraturan ini adalah untuk menyeragamkan pelajar-pelajar ITM apa yang sudah dibuatkan oleh Akta Universiti dan Kolej Universiti untuk pelajar-pelajar universiti 5 buah lagi tu. Harus diingat masa itu ITM tak dikawal oleh Akta Universiti ya, ia dikawal oleh Akta ITM. Jadi mereka nak samakan peraturan itu. Ini ditentang. Kita menentang, kita adakan pertemuan-pertemuan secara demokratik dengan Pengarah baru yang dilantik oleh Menteri Pelajaran pada waktu itu, Dr Mahathir (Mohammad).

Protes-protes kita, demonstrasi kita tidak didengarkan dan tidak ada apa itu...tindakan yang pada hemat kita yang sesuai, yang boleh mententeramkan keadaan. Natijahnya, kampus diambil alih oleh golongan pelajar dan ITM ditutup selama beberapa bulan.

Akibatnya, enam orang diantara pemimpin pelajar termasuk saya sendiri telah mendekam di pelbagai lokap, dari satu lokap ke lokap lain, selama hampir 2 minggu sebelum dibicarakan. Sementara itu kita diinterogasi. Tidak ada elemen fizikal tapi interogasi tetap interogasi ya.

Kita dituduh itu nak menyebarkan komunisme. Saya kata kita KSITM (Kesatuan Siswazah Institut Teknologi) punya moto pada waktu itu, moto union kita KSITM ialah kebumiputeraan dan keislaman. So, kat mana komunisme masuk kan. Alhamdulillah, ekoran daripada pengalaman itu, termasuk solitary confinement selama 2 minggu itu, secara subliminal, secara bawah sedar barangkali saya dizahirkan sebagai seorang yang tidak takut untuk menyuarakan kebenaran mengikut pertimbangan saya. The fear is not there, if ever there was.

Kesan lebih besar adalah, daripada tindakan protes pelajar-pelajar ITM pada waktu itu, hampir 150 orang pelajar telah dibuang dari pengajian. Termasuk dalam pimpinan ada beberapa orang, dan termasuk penyokong-penyokong biasa yang sebahagian besarnya adalah perempuan.



Ini episode yang paling tak diketahui mengenai gerakan pelajar di Malaysia. Yang ini lah satu-satunya tindakan yang mengakibatkan, saya boleh kata, kezaliman la walaupun saya tak suka guna istilah-istilah ni yang besar... Yang ni 150 orang pelajar dihalang daripada meneruskan pengajian mereka.

Sebahagian dari mereka yang meneruskan pengajian. Ada yang pergi ke Indonesia, masuk belajar di Indonesia. Ada yang pergi ke universiti lain, masuk balik tahun pertama. Pergi ke Universiti Malaya dan seumpamanya. Ada yang terus bekerja. Ada yang sambung pelajaran selepas sekian tahun dan ada salah seorang juga yang saya dapat tahu beberapa tahun kemudian dia apply semula masuk ITM dan dapat masuk balik tapi tu lah, they have to go again through the normal process lah. It is strange that nobody talks about it. 150 people were not allowed to further their studies.

Dari satu segi barangkali di ITM sekurang-kurangnya persepsi umum dianggap sebagai lebih free sebab antara lain meskipun dasar pelajaran kebangsaan telah diwujudkan untuk penggunaan Bahasa Melayu, di ITM, pengarahnya masa itu Tun Arsyad Ayub, ditetapkan pelajaran di ITM tetap dalam Bahasa Inggeris, terutamanya professional courses tetap dalam Bahasa Inggeris.

Jadi, exposure, satu. Keduanya barangkali corak pemikiran juga. Of course, ini digambarkan secara negatif oleh media masa itu terutamanya oleh Utusan, salah sebuah syarikat Utusan Melayu iaitu Utusan Malaysia yang baru wujud beberapa tahun ya. Apa itu...seolah-olah pelajar-pelajar ni tak berdisiplin lah, ala-ala hippies la, free tu free ni.

Selepas tahun '70an, selepas ITM berjaya dikembirakan juga, persatuan siswa Institut Teknologi Mara kini dikenali sebagai JPPITM, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar. Dia tidak majlis sebab ITM belum lagi digelar sebagai universiti kan.

Ini sebenarnya, penggelaran sebagai universiti ni satu hal yang ironic. Saya menentang ITM digelar sebagai universiti sebab saya percaya dia mempunyai kredibiliti dia tersendiri. Professional courses dalam bidang pengangkutan, chartered transport, accountancy, ACCA dan pelbagai lagi. Kalau macam komunikasi massa, course saya memang diiktiraf oleh JPA sebagai degree level walaupun nama dia diploma pada masa itu. Tapi yang lain-lain ni saya kata, "*Kenapa nak panggil universiti?*" That shows



	<p>how lacking we are dengan keyakinan diri. Sebab saya kata saya tak pernah dengar name 'MIT University' ataupun 'Caltech U' ataupun you know, all those grand institutions and they produce the world's best ni. What we should aim for is the quality of the education. Nilai atau kualiti pelajaran yang dapat diberikan kepada pelajar-pelajar itu.</p> <p>Selepas era '70an itu, '78 saya sudah ke UK jadi sebenarnya secara langsung, saya terpisah denga apa yang berlaku di sini. Saudara Fikri harus ingat zaman itu bukan seperti sekarang ya. Air Asia takda. Balik, kadang-kadang sekali setahun. Kadang-kadang 2 tahun sekali. Takda handphone, takda WhatsApp, takda social media. Jadi, memang terbatas. Surat khabar kita dapat lah di Malaysian Hall tapi seminggu lewat atau 2 minggu lewat. Ataupun telex. Ha telex kita dapat hari-hari lah tapi kita kena pergi ke Malaysian Hall untuk itu. Sedangkan kita mungkin duduk jauh daripada situ kan.</p> <p>Tapi melalui surat-menyurat, kita dapat tahu juga apa yang berlaku dan tahun '80an tadi...selepas berlakunya revolusi di Iran itu, seperti yang saya katakan tadi, kenaikan faktor semangat Islam dalam pergerakan mahasiswa bukan berasal daripada situ. Tetapi kocakkan daripada itu mungkin ada. Termasuk dalam Parti Islam Se-Malaysia ataupun PAS. Tetapi event yang saya rasa banyak meninggalkan kesan ialah suatu event yang tidak terfikir oleh kita akan berlaku, iaitu saudara Anwar Ibrahim mengumumkan menyertai parti pemerintah UMNO pada tahun '82, beberapa minggu sebelum pilihanraya 1982. Dia menerima ajakan Perdana Menteri yang baru, juga Presiden UMNO yang baru, Dr. Mahathir Mohamad.</p> <p>Event ini mempunyai cataclysmic effect pada pergerakan-pergerakan pelajar sebenarnya. Bukan saja pergerakan pelajar, juga pergerakan sosial yang lain. Kerana ada among, beberapa orang dari kami pernah mengandalkan...we're talking about the '70s and early '80s, bahawa akan tiba satu waktu nanti akan terzahir secara organic, kuasa ketiga dalam dunia sosio-politik di dalam tanah air ya. Tetapi dengan pengumuman Anwar untuk masuk parti pemerintah UMNO, maka, that was the end of our dream lah. Itu seolah-olah mematikan impian tersebut.</p>
<b>Fikri :</b>	Kuasa ketiga tu Islamic ke macam mana?
<b>Raja :</b>	



Ini pun satu istilah yang payah kerana...tapi largely diilhamkan oleh pemikiran Islamist, post-Islamist lah apa benda apa benda kan. Walaupun pada waktu itu takda istilah Islamist lagi sebenarnya. Ini istilah yang saya kira baru, the last 15 years. Last 10, 15 years.

Tapi ia satu ruang yang accommodative kerana misalnya Anwar Ibrahim sendiri Presiden MBM (Majlis Belia Malaysia) waktu tahun '70an, committee itu terdiri daripada pelbagai aliran.

Dan saya ingat saya memimpin suatu delegasi MPPM pada tahun '76 ke Singapura untuk suatu kursus selama seminggu. ASEAN Youth Leadership Training Centre di Singapore. Rombongan saya 6 orang; ada wakil dari YCW – Young Christian Workers; ada wakil dari Buddhist punya youth; ada wakil dari badan nationalist Melayu, pertubuhan belia yang lebih kepada pemerintah dan ada 5, 6 orang berbeza-beza dan multi-ethnic perwakilan dia.

Saya boleh ingat apabila perwakilan dari Singapura bertubi-tubi mengkritik dasar kerajaan Malaysia, saya tak perlu cakap apa. Kawan-kawan anggota rombongan saya yang kebetulan dari belia Buddhist dan Christian ini, mereka yang jawab, ini soal affirmative action. Mereka yang jawab soalan tersebut mengenai...meskipun sakit tapi perlu adanya affirmative action ini untuk sekian waktu demi penyamarataan ekonomi dan peluang rakyat Malaysia kesuluruhannya. Jadi ini sebenarnya tidak ganjil pada waktu itu.

Apa yang ganjilnya apabila berlaku pada tahun '80an, pada hemat saya, dia menjadi seolah-olah tertutup, exclusivist sifat dia. Seolah-olah tidak ada atau kurang ruang untuk bekerjasama. Itu saya kata, saya marah kepada kawan-kawan saya, ahli sosiologi ni kerana tak buat kajian yang lebih definitive - kenapa ini berlaku.

Dan kenapa berbaringan dengan ini juga, kita tetap merupakan masyarakat yang kosmetik sifatnya. Dengan lebih terselahnya simbol-simbol religiosity atau keagamaan dalam masyarakat kita, makin bertambah isu-isu penyelewengan, korupsi, ketidakadilan dan seumpunya. How is this possible? Kalau benar-benar ajaran



agamawi itu difahami, apakah mungkin kerja-kerja yang tidak betul seperti korupsi dan lain-lain ini meningkat dengan lebih tinggi lagi?

Sebelum tindakan pengusiran yang membawa kepada 150 orang pelajar di ITM itu, memang kita secara relatifnya bebas dan juga sebelum pindaan Akta Universiti 1975 itu, kegiatan pelajar umumnya bebas. Memang ada lah sedikit pembenturan dengan penguasa dan universiti dan seumpamanya tapi pada umumnya bebas.

Apa yang berubah hampir 100% ialah saya kira pindaan pada Akta Universiti dan juga pindaan pada Akta ITM tahun berikutnya. Ini menyebabkan semua kampus-kampus telah dimandulkan, telah dikembirikan. Pelajar-pelajar tidak lagi bebas untuk mengaturkan program mereka sendiri. Kalau kita nak buat program, kena pergi kepada satu bahagian yang baru yakni namanya HEP yang tak wujud sebelum ni saya rasa. So, HEP dan semua kena minta, kalau nak buat program nak raise funds pun, kena pergi HEP. Nak buat program nak ajak speaker dari luar pun.

Kalau sebelum itu, misalnya di Universiti Malaya, mereka mengadakan the Great Economic Debates dan pelbagai forum yang bebas. Di UKM. Saya biasa pergi. Sebelum pindaan tu kan, mereka mengajak orang-orang dari parti politik, parti pemerintah dan tandingan, tiada masalah. Tapi selepas itu, macam-macam timbul sehinggalah tahun-tahun kebelakangan ini pra-2008, saya ingat.

Misalnya ada suatu insiden di sebuah universiti di mana pimpinan mahasiswanya telah mengundang dua orang untuk panelis untuk satu forum; seorang dari parti pemerintah; seorang dari parti tandingan. Itu sudah dapat approval ya. Kemudian apabila saat-saat akhir, pimpinan pelajar itu diberitahu tak boleh ya. Kerana mereka hendak ada juga forum itu, maka bahagian yang tertentu telah mencabut elektrik supaya gelap. Tak boleh ada forum. Kemudiannya saya dengar dua orang daripada pimpinan universiti tersebut telah didakwa oleh pihak universiti yang mungkin membawa tindakan pengusiran daripada universiti. Apabila saya dengar istilah pengusiran atau pembuangan ini, ini suatu yang cukup mengesankan kepada saya kerana saya sendiri menjadi mangsa tindakan seperti itu sekian puluhan tahun yang lalu. Akhirnya mereka tidak dibuang universiti tetapi masih harus menerima tindakan.



	<p>Tapi itu lah kesannya. Ia berlaku tahun '70an ya, universiti pindaan ya. In the '80s and '90s, I was interviewing people for jobs. Company yang saya kerja tu, antara tugas lain is to interview. Saya mendapati bahawa sebahagian yang saya interview itu tidak melihatkan daya-daya kreativiti, keyakinan diri dan seumpamanya. Saya kata...Kawan-kawan saya banyak complaint kata, <i>"Oh, Raja apa ni staff I baru ni macam ni, macam ni."</i> I said, <i>"Don't blame them."</i> I kata. <i>"Kita blame the authorities kerana pindaan kepada Akta Universiti itu."</i> Menjadikan mereka tidak membina keterampilan diri mereka.</p> <p>We, our generation, we learnt to organize because kita dah buat program kita sendiri. Kalau perlu cari duit, kita pergi cari company minta RM10, RM15. Kita atur sendiri, kita buat posters sendiri. Most importantly in life is keyakinan. To me, even leadership is secondary. Keyakinan.</p> <p>Tapi sepertimana saya katakan tadi, kita takda kajian lagi kan. So, secara positif nak mengatakan bahawa, you know, sejauh mana kesannya kepada ini kan. Saya tetap percaya bahawa Akta Universiti dan pindaan itu bertanggungjawab untuk melahirkan masyarakat seperti ini. Malah di bidang politik pun kita lihat kenapa sekarang ni kita tertanya-tanya siapa yang boleh jadi pemimpin. Kita ada 30 juta lebih rakyat. Takkan 5 orang je yang layak. It's ridiculous.</p>
<p><b>Fikri :</b></p>	<p>Jadi AUKU punya pemansuhan tu cukup untuk menghidupkan kembali semangat siswa?</p>
<p><b>Raja :</b></p>	<p>Of itself tak. So, whether it's enough or not, juga tergantung kepada... Kita harus membina suatu keperibadian nasional yang menjadikan kita orang-orang pemberani. Kita adalah negara yang pemberani. Lihat sejarah Tanah Melayu 1000 tahun yang lalu, 800 tahun yang lalu, 500 tahun yang lalu. Dan bukan Tanah Melayu as in Semenanjung saja, Tanah Melayu keseluruhannya. Apa yang sekarang kita sebut sebagai Southeast Asia. Di selatan Filipina, di selatan Thailand, di Indonesia, di Papua. We were a seafaring people. Kita membina perahu dan kapal sebelum orang-orang lain. Dari Negeri China pun mereka pedagang-pedagang pernah tempah kapal di Melaka untuk pelayaran mereka seterusnya ke Barat. We did so many things. Kenapa sekarang kita nampak macam seorang yang seolah-olah laih, yang tak berani.</p>



Ada orang punya theory kata kita comfortable sebab we live, kita hidup dalam zon selesa ya. Kemerdekaan dicapai dengan rundingan, bukan dengan buluh dan bambu runcing seperti di negara jiran misalnya. Tapi saya rasa itu bukan jawapan yang sepenuhnya. Ingat ada juga pejuang-pejuang kita yang mati ditali gantung British. Ada juga pejuang-pejuang kita yang berdekam dalam tahanan pada tahun pertengahan '50an. Berapa ramai bahawa mereka kemudian tidak diiktiraf sebagai pejuang kemerdekaan, itu suatu hal yang lain lah.

Dua tahun yang lalu, satu forum di Universiti Malaya berkenaan dengan Dr. Burhanuddin al-Helmy. Saya menyebutkan betapa negara harus mengiiktiraf pejuang-pejuang kemerdekaan ini.

Sama ada Burhanuddin, Pak Sako, Bustamam dan lain-lain ini. Saya kata, "Sekarang ini you (Pakatan Harapan) ada pemerintahan baru yang sebahagian besar daripada you selalu menyebut nama tokoh-tokoh ini sebagai tokoh-tokoh yang you andalkan, tokoh-tokoh yang you hormati. Sekarang you dah berkuasa. Ini forum tahun 2018 atau 2019, ya, 2019. Saya cakap, "Dah dua kali Hari Merdeka sejak you berkuasa, tapi takda pun nama-nama tokoh ni disebut dalam parade Hari Kebangsaan. Kenapa?", I kata. Tak tahu menghargai pejuang-pejuang kemerdekaan kita. You don't remember your history, you are destined to repeat the mistakes of the past.

Ya, saya setuju bahawa Akta Universiti harus di-review semula dan saya setuju bahawa ia telah banyak memamatkan keupayaan golongan pelajar dan graduan-graduan kita tetapi sekiranya anda sebagai ahli akademik, anda tidak boleh menggunakan ini sebagai satu alasan untuk tidak berbuat apa-apa." Saya kata, "Lihat Jomo (Kwame Sundaram), sahabat saya, Jomo, dia daripada tutor, pensyarah, prof madya, professor, kemudian bekerja dekat UN lagi, takda masalah pun sebab ada security of tenure dalam kerja sebagai ahli akademik." Mungkin you tak dapat jadi VC, tak dapat jadi Ketua Jabatan tapi apa lah makna jawatan-jawatan itu berbanding dengan intergriti dan keperibadian you sebagai seorang ahli akademik?

Dan ini lah juga antara sebab kenapa saya tulis dalam buku saya *Minda Tertawan: Intelektual, Rausyanfikir dan Kuasa* kerana sebenarnya kita tidak mempunyai pemberani-pemberani dikalangan ahli-ahli akademik kita, dikalangan ahli-ahli



	<p>intelektual kita, dikalangan seniman dan budayawan kita. Everybody wants to play safe kononnya. Let me tell you, biar saya beritahu, tidak ada such a thing as playing safe in life. Boleh la kalau nak tu tapi I don't know what kind of life you're leading la kan.</p> <p>Let me assure you that when you reach a certain age, then you will realize that there is so much you can eat, there is so much you can wear, there is so much than you can put on your feet, there's so much than you can drive, there is so much that you can hold.</p> <p>So, pada akhirnya, apa yang memungkinkan you hidup terus adalah apa yang aku telah buat selama ini dalam kehidupanku. Apakah aku telah berusaha? Tak semestinya berjaya ya. Tetapi apakah aku telah berusaha untuk melakukan sesuatu? Have I tried to do things, to make my environment better?</p> <p>Dan ini bukan soalan-soalan yang remeh pada hemat saya because kata lah kalau saya melihat teman-teman segenerasi saya kan, apa lagi yang you mahu? You nak jadi Menteri? Buat apa? Umur dah 70an. Bagi lah pada yang umur 30an, 40an.</p>
<p><b>Fikri :</b></p>	<p>Pak Raja, saya nak masuk soalan seterusnya. Ada beberapa sarjana yang menasionalkan AUKU dengan menyatakan bahawa AUKU ini berguna dalam perkembangan atau perluasan pendidikan tertiary di Malaysia dan sebagai negara membangun, Malaysia memang perlu mengutamakan pembangunan. Maka pendisiplinan atau pengembirian institusi-institusi akademik adalah suatu keperluan pada masa itu. Apa pendapat Pak Raja tentang kenyataan seperti itu?</p>
<p><b>Raja :</b></p>	<p>Sudah tentu saya tidak bersetuju dengan pandangan tersebut.</p> <p>Berkenaan dengan Akta Universiti, memang ada aspek-aspek dia yang bagus tapi kita berbicara soal aspek-aspek tertentu yang mengekang pembinaan pelajar. Itu yang saya tekankan. Saya rasa kalau ahli-ahli akademik yang tidak mempunyai sentuhan yang lebih intim dengan masyarakat kita, yang tidak melalui perubahan sosial dengan masyarakat kita in the last 30 or 40 years, barangkali mereka tidak akan mempunyai kearifan mengenai hal tersebut.</p>





	<p>Saya juga diingat pemahaman saya ini adalah berdasarkan penelitian saya ini dari zaman mahasiswa, zaman pelajar sehingga melalui zaman pekerjaan, juga melalui zaman sewaktu saya pernah terlibat dalam arena siasah di kedua-dua belah pihak dan pengalaman ini semua mengajar saya bahawa kita kekurangan orang-orang yang berketerampilan antara lain kerana sebab itu. Bahawa wujudnya sebahagian aktivis, sebahagian orang-orang muda dari tiap-tiap zaman in the last 30 years, 40 years ni, itu merupakan exceptions to the rule, yang kita hendakkan lebih banyak lagi ya.</p>
<b>Fikri :</b>	<p>Pak Raja mempunyai pengalaman di universiti dalam dan luar negara. Adakah wujud perbezaan dalam semangat dan keberkesanan gerakan-gerakan siswa di dalam negara dan di luar negara?</p>
<b>Raja :</b>	<p>In the first place, golongan pelajar ada mempunyai keterbatasan-keterbasannya kecuali dalam moment-moment tertentu dalam sejarah, dia mempunyai kesan yang lebih daripada biasa akan dialaminya. Dari segi dalam negara, pergerakan siswa dalam negara, sudah tentu dia lebih rapat dengan pergolakan yang berlaku, dengan perkembangan yang berlaku dalam negara.</p> <p>Di luar negara, dia melihatnya dari jauh dan lebih pada menganalisis dan memberikan pandangan. Tapi apa sekalipun, meskipun wujud perbezaan yang ketara misalnya kalau aksi di luar negara, tidaklah seperti aksi di dalam negara ya tapi yang nyata adalah ia suatu anjang pembinaan, capacity building untuk orang-orang yang bakal menduduki posisi-posisi yang penting dalam negara. Maksud saya posisi penting adalah sebagai seorang ahli professional, sebagai seorang pekerja yang menyumbang kepada pembangunan negara dia.</p> <p>Tapi, saya sentiasa optimistic. Ok, secara objektif realitinya juga melihat apa yang sedang berlaku dalam masyarakat, saya mempunyai ruang untuk optimism itu. Saya rasa bukan hanya kerana sikap peribadi saya sebagai seorang optimist, tapi melihat secara realiti apa yang berlaku di sekeliling saya, saya mempunyai optimism dengan generasi sekarang. Sebab sebahagian kawan-kawan saya dari generasi muda, in the last 10, 15 years, adalah anak-anak kepada kawan-kawan aktivis saya masa zaman '70an.</p> <p>Ok, dikalangan generasi muda pula sendiri juga mungkin ada yang sudah rasa semacam sudah fed up. Barangkali fed up itu kerana merasa fatigue. Tapi yang ini saya</p>



	<p>kena kritik sikit lah sebab bagi saya dalam kehidupan ini, dua perkara penting yang tak boleh kita... izinkan diri saya. Pertama, to be disillusioned untuk merasa dikecewakan. Kedua, untuk dihindari dengan rasa jenuh atau letih ataupun fatigue. Sebab dua ni akan menghambat perkembangan hidup kita. Kita harus sentiasa mempunyai semangat yang berterusan meskipun dikelilingi dan dihindari oleh apa yang orang lain tafsirkan sebagai kekecewaan.</p> <p>Soalan yang paling penting bagi kita bukanlah apa posisi yang anda duduki, adakah anda menjadi seorang Menteri, adakah anda menjadi seorang wakil rakyat, adakah anda menjadi seorang tokoh pembangkang. Tapi soalan yang penting adalah, apa yang telah anda lakukan? What have you contributed?</p>
<b>Fikri :</b>	Terima kasih Pak Raja ya.

